

ESSCOM DAN PENCULIKAN UNTUK TEBUSAN DI PANTAI TIMUR SABAH, MALAYSIA

ESSCOM AND KIDNAPPING FOR RANSOM (KFR) IN THE EAST COAST OF SABAH, MALAYSIA

SAIFUL ZIZI JALIL¹
RAMLI DOLLAH²
MOHAMAD IKHRAM MOHAMAD RIDZUAN²

¹ Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP),
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kota Kinabalu, Sabah

² Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding Author: ramlid@ums.edu.my

Dihantar/Received: 6 Jun 2024 | Penambahbaikan/Revised: 1 September 2024

Diterima/Accepted: 31 Oktober 2024 | Terbit/ Published: 31 Disember 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v1i1.5831>

Abstrak

Sabah merupakan sebuah negeri di Malaysia yang berhadapan dengan ancaman keselamatan terutama dari negara jiran. Salah satu ancaman tersebut adalah insiden jenayah rentas sempadan seperti penculikan bertujuan mendapatkan wang tebusan atau lebih dikenali sebagai *Kidnap for Ransom* (KFR). Kekurangan KFR terjadi menimbulkan kekhuatiran dalam kalangan masyarakat setempat mengenai keselamatan sehari-sehari. Bukan itu sahaja, ia turut membelenggu para pelancong yang datang melawat negeri ini khususnya di kawasan yang terlibat. Bagi menangani hal ini, kerajaan telah mengambil pendekatan yang proaktif dengan menubuhkan *Eastern Sabah Security Command* bagi mengawal jenayah KFR daripada semakin berleluasa. Hal ini menunjukkan bahawa salah satu sebab penubuhan ESSCOM adalah untuk menangani KFR. Berdasarkan kenyataan ini, makalah ini cuba untuk mengulas, membincangkan, dan menjelaskan jenayah KFR, faktor yang menyebabkan berlakunya KFR di perairan pantai timur Sabah (kebanjiran pendatang tanpa izin; kurangnya pengawasan anggota keselamatan di kawasan terbabit, jenayah rentas sempadan tradisional seperti penyeludupan barang bersubsidi dan lain-lain), keberkesanan ESSCOM dalam membendungnya. Selain itu, makalah ini berusaha mengenal pasti keterlibatan agensi-agensi lain, suntikan dana kerajaan, peralatan, kerjasama diplomatik, peranan masyarakat setempat dan lain-lain yang berkaitan dalam membendung jenayah KFR ini di kawasan ini.

Kata kunci: Penculikan untuk tebusan, keselamatan, bukan-tradisional, ESSCOM, Sabah.

Abstract

Sabah, a state in Malaysia, faces significant security threats, particularly from neighbouring countries. One major threat is cross-border crime, such as kidnappings for ransom (KFR). The frequent occurrence of KFR incidents has raised serious concerns among the local community about daily safety. Furthermore, it has caused anxiety among tourists visiting the state, especially in the affected areas. To tackle this issue, the government has taken a proactive approach by establishing the Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) to control and prevent the spread of KFR crimes. This indicates that one of the primary reasons for establishing ESSCOM is to combat KFR. This paper aims to review, discuss, and explain KFR crimes, the factors contributing to their frequent occurrence in the eastern coastal waters of Sabah (including the influx of illegal immigrants, insufficient security personnel monitoring in the affected areas, and traditional cross-border crimes such as smuggling of subsidized goods), and the effectiveness of ESSCOM in addressing these issues. Additionally, this paper seeks to identify the involvement of other agencies, government funding, equipment, diplomatic cooperation, the role of the local community, and other related aspects in combating KFR in this area.

Keywords: Kidnapping for ransom, security, non-traditional, ESSCOM, Sabah.

PENGENALAN

Mengawal keselamatan wilayah dan sempadan adalah salah satu tugas hakiki yang harus dipikul oleh negara berdaulat. Sebagai sebuah negara maritim, Malaysia tidak terlepas daripada ancaman yang hadir daripada dalam dan luar negara. Keselamatan maritim dilihat terus berada di kedudukan teratas dalam agenda nasional dengan isu-isu keselamatan sering mendapat tempat dalam perbahasan di pelbagai peringkat, sama ada dalam konteks sosial, politik, ekonomi, dan sebagainya. Perbincangan keselamatan maritim di Malaysia banyak berfokus di zon perairan Sabah khususnya di Bahagian Pantai Timur di mana isu-isu dominan yang berlaku dan perlu ditangani oleh kerajaan negeri adalah banyak berbentuk ancaman maritim, seterusnya ancaman-ancaman berbentuk bukan tradisional. Bentuk muka bumi Sabah yang juga merupakan sebuah negeri pantai yang bersempadankan Laut Sulu-Sulawesi bermaksud kebanyakan cabaran keselamatan yang dihadapi negeri Sabah muncul daripada laut. Namun begitu, bagi satu tempoh yang lama, keselamatan Sabah sering berfokus kepada aktor negara dan ancaman-ancaman keselamatan berbentuk tradisional. Isu-isu seperti integriti persempadanan, keabsahan politik, dan ancaman berbentuk ketenteraan banyak mengisi ruang perbincangan akademik berkenaan keselamatan zon perairan maritim Sabah (Idris, 2023).

Pada tahun 2013, Malaysia telah dikejutkan dengan peristiwa serangan militan di kawasan Tandu, Lahad Datu. Peristiwa ini menandakan buat pertama kali Malaysia berhadapan dengan satu ancaman secara terus terhadap kedaulatan negara. Situasi tersebut juga menandakan peralihan tumpuan Kerajaan Malaysia yang mula melihat kepentingan ancaman aktor bukan negara terhadap keselamatan nasional. Lantaran daripada peristiwa tersebut, kerajaan bertindak mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan ESSZone, seterusnya diikuti dengan penubuhan ESSCOM (Alavi & Wan Hussin, 2023). Penubuhan ESSCOM dan ESSZone bukan sahaja bertujuan menyelesaikan masalah serangan pengganas yang berlaku di Tandu ketika itu, tetapi juga adalah pelan jangka panjang oleh kerajaan bagi menangani masalah-masalah keselamatan lain yang telah lama berlaku di kawasan perairan Sabah dan masih berlanjutan sehingga kini. Isu-isu seperti jenayah rentas sempadan, kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI), penyeludupan barangan, pemerdagangan manusia, penduduk tanpa dokumen dan banyak lagi isu bukan tradisional yang lain sebenarnya bukanlah merupakan isu baharu, sebaliknya adalah isu berulang yang telah lama membelenggu negeri Sabah (Anuar *et al.*, 2018). Berbanding ancaman-ancaman keselamatan yang berbentuk ancaman daratan, sifat isu-isu melibatkan jenayah rentas sempadan seperti kegiatan *Kidnap for Ransom* (KFR) dilihat menghadirkan lebih banyak masalah kepada pihak kerajaan (Abdul Hamid & Dollah, 2020). Justeru, penubuhan ESSCOM ini mengundang perdebatan tentang persoalan impak dan bagaimana badan penguatkuasaan ini boleh membantu mengatasi dan menyelesaikan masalah-masalah berbentuk berpanjangan yang berlaku di Sabah (Idris, 2023).

***KIDNAP FOR RANSOM* (KFR): SATU KERANGKA**

Murphy (2007), memetik kata-kata J.L Anderson menyifatkan aktiviti lanun ini sebagai satu subset pemangsa maritim yang ganas kerana ia bukan sebahagian daripada peperangan yang diisytihar secara meluas atau diiktiraf secara rasmi. Terdapat dua terma yang perlu difahami terlebih dahulu iaitu lanun ataupun turut dikenali dengan nama “*mundu*” dalam kalangan orang tempatan adalah merujuk kepada orang yang melakukan aktiviti perlanunan, manakala “*pagmundu*” pula merujuk kepada tindakan perlanunan itu sendiri (Dollah, 2004; Takoro, 2010). Aktiviti *Kidnap for Ransom* (KFR) sebagai suatu konsep sering kali diletakkan sebagai salah

satu subtema di bawah konsep “lanun” (Schoeman & Haefele, 2013). Pada dasarnya, idea berkenaan konsep lanun ini bermula semasa era Greek dan Roman, tetapi terus dikembangkan dan melalui proses evolusi pendefinisian yang semakin menyeluruh selaras dengan peredaran masa dan banyak dipengaruhi oleh peradaban masyarakat Eropah (Takoro, 2010). Namun begitu, usaha untuk memberi pendefinisian yang berbentuk universal ke atas konsep lanun bukanlah satu usaha mudah. Dua organisasi antarabangsa utama iaitu International Maritime Organization (IMO) dan International Maritime Bureau (IMB) yang menjadi pusat koordinasi keselamatan maritim muncul dengan pendefinisian yang berbeza. Menurut IMO, konsep lanun itu perlulah dilihat sebagai “*an act committed in the high seas, for private gains an attack by ship on the other ships, etc in accordance with the 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)*”. IMB pula mendefinisikan lanun sebagai “*an act of boarding, or attempting to board any ship with the intent to commit theft or any crime and with the attempt or capability to use force in furtherance of that act*” (Takoro, 2010). United Nations Office on Drugs and Crime (2010) pula mengandaikan bahawa aktiviti perlanunan maritim secara dasarnya merangkumi dua kategori kesalahan iaitu; (i) *robbery and/or hijacking in order to steal*, dan (ii) *The capture of a maritime vessel or its cargo and kidnapping of the crew for the purpose of holding the vessel and its crew hostage until a ransom is paid*.

Bagaimanapun, definisi yang diberikan ini dilihat lebih bersifat *Europe-centric* dan tidak mampu benar-benar menceritakan realiti sebenar aktiviti perlanunan yang berlaku di rantau Asia Tenggara amnya dan Malaysia khasnya. Hal ini demikian kerana senario aktiviti perlanunan yang berlaku di rantau Asia Tenggara adalah bersifat unik dan membabitkan persekitaran jenayah yang berbeza, berbanding jenayah lanun yang berlaku di Eropah. Sebagai perbandingan, aktiviti perlanunan di Eropah lebih banyak bermotifkan kewangan, manakala tingkah laku penjenayah lanun di rantau Asia Tenggara pula dipandu oleh dua faktor iaitu kewangan dan juga politik (Liss, 2010; FATF, 2011). Hal ini menjelaskan dua trend berbeza oleh kumpulan-kumpulan KFR di Eropah yang lebih banyak menyasarkan kapal-kapal komersial dan kargo yang bernilai besar serta mempunyai insurans, manakala trend penangkapan tahanan di rantau Asia Tenggara pula banyak melibatkan kapal-kapal dan bot kecil yang mana biasanya tidak mempunyai insurans dan proses negosiasi memperlihatkan kebergantungan yang tinggi terhadap campur tangan kerajaan (Schoeman & Haefele, 2013). Malah, jika diteliti definisi oleh UNCLOS 1982 itu sendiri yang menghadkan terma lanun hanya kepada jenayah yang dilakukan di laut lepas (*high seas*) adalah

tidak relevan kerana Malaysia sendiri telah beberapa kali mempunyai pengalaman KFR yang datang dari laut tetapi mengambil tebusan di darat (Aslam, 2013).

Lompang dalam bentuk pendefinisian ini akhirnya membawa kepada keperluan untuk satu bentuk wacana dan pendefinisian yang lebih menyeluruh diberikan dalam menjelaskan aktiviti lanun di rantau Asia Tenggara. Hal ini mendorong Wan Hassan dan Dollah (2008) cuba untuk memberi satu sudut pandang lokal dalam mendefinisikan aktiviti lanun. Dalam hal ini, Ramli Dollah cuba menawarkan sudut pandang baharu kepada wacana *mundu* dengan memperkenalkan konsep *mundu* bagi menjelaskan aktiviti perlanunan, rompakan laut, penculikan ataupun jenayah yang menjadikan laut sebagai pusat aktiviti (Dollah, 2004). Menurut beliau, senario perlanunan di Sabah melibatkan aktiviti seperti menyerang perkampungan yang terdapat di pulau-pulau dan pesisir pantai untuk mendapatkan keperluan misalnya makanan; melakukan rompakan menggunakan senjata berbahaya atau senjata api, melakukan rompakan di laut atau di darat dan melarikan diri ke laut lepas iaitu Indonesia atau Filipina, menculik tebusan untuk mendapatkan wang tebusan; dilakukan secara berkumpulan; dan menjadikan laut sebagai pusat aktiviti mereka sama ada untuk melakukan rompakan, serangan, keganasan dan sebagainya (Wan Hassan & Dollah, 2008). Hujah ini turut disokong oleh dapatan kajian Gutierrez (2013) ke atas pola aktiviti KFR yang bermula di Filipina dan menyasarkan negara pantai lain di Laut Sulu termasuk Malaysia.

Menurut Gutierrez, jenayah KFR dilakukan secara terancang melibatkan tiga klasifikasi penyeludup, iaitu pemberontak sosial (*social bandit*), penjahat (*villain*), dan bos (*bosses*). Motivasi bagi ketiga-tiga kumpulan ini adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Sebagai contoh, kumpulan pemberontak sosial ini sering kali cuba menjuarai isu rakyat melalui protes sosial untuk mencabar pihak berkuasa; kumpulan penjahat menggunakan motivasi ekonomi untuk memanipulasi peluang-peluang jenayah rentas sempadan; dan bos yang meletakkan keutamaan mereka ke atas agenda ekonomi dan persaingan politik. Ketiga-tiga kumpulan ini tidak bersifat eksklusif, sebaliknya adalah saling bergantung dalam satu sistem jenayah terancang (Gutierrez, 2013). Faktor ideologi dan perjuangan politik bukanlah sesuatu yang asing kepada aktiviti KFR di Asia Tenggara kerana masih terdapat banyak isu wilayah dan puak pemisah wujud di kawasan sempadan negara-negara ini. Dalam kebanyakan kes juga, wang yang diperoleh daripada KFR akan digunakan bagi membiayai perjuangan ideologi di tempat asal

mereka (Aslam, 2020; Harun & Ja'afar, 2021; Ahmad & Rosli, 2023). Sebagai contoh, produk-produk pergelutan etnik dan wilayah seperti kumpulan Abu Sayyaf Group (ASG) yang aktif di Laut Sulu menggunakan keuntungan daripada aktiviti KFR bagi mendanai operasi tatkala mereka tidak lagi mendapat bantuan kewangan daripada rangkaian antarabangsa mereka seperti Al-Qaeda dan *Islamic States* (ISIS) (Ahmad & Rosli, 2023). Justeru, aktiviti KFR dilihat sebagai, sumber kewangan utama untuk ASG memastikan perjuangan ideologi mereka dapat diteruskan (Aslam, 2020). Hal ini selaras dengan takrifan FATP (2011) terhadap KFR sebagai *“The confinement without legal authority of a person by one or others, against the will of the confined person. In doing so, the perpetrators often seek some political, financial or other advantage or benefit, such as the payment of a ransom (KFR) or the release of imprisoned compatriots”* (FATP, 2011). Struktur jenayah KFR itu sendiri juga dilihat banyak menimbulkan masalah, terutama dalam konteks Laut Sulu di mana beberapa elemen seperti demografi, geografi, politik, dan ekonomi telah mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk jaringan jenayah yang sistematik dan seterusnya membawa kepada terjadinya *Trans-national Organised Crime* (T-NOC) (Aslam, 2020). Perkembangan ini seharusnya menghadirkan kerisauan kepada pihak Kerajaan Malaysia tentang impak jenayah-jenayah ini kepada keselamatan negara.

PENUBUHAN ESSCOM DAN ANCAMAN KESELAMATAN BUKAN TRADISIONAL KEPADA SABAH

Malaysia pada 12 Februari 2013 yang lalu telah dikejutkan dengan isu pencerobohan di Lahad Datu, Sabah. Peristiwa ini telah membuka lembaran baharu dalam sejarah pertahanan negara dan menjadi satu iktibar kepada sistem pertahanan negara. Susulan daripada kejadian tersebut, mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa lawatannya ke Lahad Datu ketika itu telah mengumumkan kawasan pantai timur Sabah sebagai “Kawasan Keselamatan Khas” (SSA-Special Security Area) pada 7 Mac 2013 (Kanyo *et al.*, 2015). Seterusnya dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh mantan Ketua Menteri Sabah, Musa Aman pada 11 Mac 2013 menyetujui akan menukar nama SSA kepada Kawasan Keselamatan Pantai Timur Sabah atau Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) (Dollah & Suharni, 2015). Fungsi dan peranan ESSCOM adalah berdasarkan peraturan-peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam 2013 (Astro Awani, 25 Mac

2013). Selain itu, ESSCOM bertindak sebagai pusat rangkaian arahan dan koordinasi dengan mengumpulkan beberapa agensi kerajaan seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, dan Imigresen di bawah satu pentadbiran bagi melaksanakan gerakan bersepadu.

Lanjutan daripada penubuhan ESSCOM, Perdana Menteri ketika itu, Najib Tun Razak dalam ucapannya di Pusat Latihan Polis (Pulapol) sempena peringatan Hari Polis ke-206 di Kuala Lumpur, mengumumkan pewujudan Zon Selamat Sabah Timur atau Eastern Sabah Security Zone (ESSZone) yang meliputi sepuluh daerah di pantai timur Sabah. Antara kawasan yang terlibat dalam ESSZone ini meliputi sepuluh daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna, dan Tawau (Dollah & Suharani, 2015). ESSCOM yang diamanahkan bagi menjaga urusan tadbir kawasan ESSZone berfungsi di bawah satu struktur organisasi yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Sabah dan dibantu oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta anggota lain di mana jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada jawatankuasa pemantau yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia (Kanyo *et al.*, 2015). Walau bagaimanapun, pada 8 Julai 2014, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Najib Tun Razak mengumumkan penstrukturan semula ESSCOM yang berkuat kuasa bermula daripada 15 Julai 2014 selaras dengan Arahan Eksekutif (AE) Nombor 1. Melalui AE ini kerajaan memutuskan pentadbiran ESSCOM akan dipecahkan kepada dua komponen utama, iaitu pengurusan keselamatan dan pertahanan yang akan diketuai oleh seorang komander ESSCOM dan bertanggungjawab ke atas aspek operasi dan usaha menggembelng sumber agensi-agensi keselamatan seperti perisikan, keselamatan dan pertahanan bagi mempertingkatkan keberkesanan operasi, serta komponen kedua iaitu penguatkuasaan dan tindakan awam yang akan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang akan menjaga aspek kesejahteraan rakyat merangkumi tiga jabatan iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Penguatkuasaan dan Tindakan Awam, serta Bahagian Khidmat Keurusetiaan (*Sinar Harian*, 8 Julai 2014). Empat perkara penting yang digariskan oleh Najib Razak dalam memastikan kejayaan ESSCOM dalam menjaga ESSZone adalah; (i) meningkatkan kemampuan perisikan, (ii) pemantauan pengawalan pantai untuk 24 jam sehari, (iii) meningkatkan kemampuan negara untuk memintas sebarang ancaman daripada laut, dan (iv) penguatkuasaan undang-undang yang ketat dengan tindakan pantas ke atas ancaman tersebut (*Daily Express*, 14 April 2013).



Sumber: Peters et. al. (2019)

Rajah 1 Peta kawasan ESSZone

Langkah kerajaan menubuhkan ESSCOM dan ESSZone adalah satu langkah yang tepat dan pelaburan yang sememangnya telah lama ditunggu-tunggu untuk meningkatkan tahap keselamatan perairan di Sabah. Kehadiran ESSCOM dilihat bukan sahaja satu bentuk respons daripada pihak kerajaan ke atas ancaman keselamatan semasa peristiwa pencerobohan di Tanduo, Lahad Datu, tetapi juga menunjukkan komitmen kerajaan bagi jangka masa panjang mempertahankan Sabah yang tidak keterlaluan untuk dikatakan sebagai negeri yang paling serius mengalami masalah keselamatan khususnya ancaman daripada laut. Pembentukan ESSCOM juga adalah satu peralihan daripada model keselamatan sebelumnya yang menggunakan konsep *surveillance, detection, and protection* (SDP) seperti OP Pasir yang digunakan di pantai timur Sabah sebelum itu (Alavi & Wan Hussin, 2023). Lantas, peristiwa pencerobohan Tanduo ini secara tidak langsung telah berjaya mengalihkan perhatian kerajaan persekutuan untuk mengambil tahu tentang tahap keselamatan sebenar di Sabah dengan pelbagai isu keselamatan bukan tradisional yang telah lama berlaku, seterusnya mula mengambil mekanisme khusus untuk menangani permasalahan berpanjangan ini.

Selain itu, pihak kerajaan juga telah menzahirkan komitmen tinggi atas pelaksanaan ESSCOM di mana suntikan-suntikan dana terus diberikan secara konsisten bagi membantu sistem pengoperasian yang lebih mantap mampu dilakukan. Dalam bajet 2014 misalnya, ESSCOM mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM75 juta bagi tujuan pengurusan dan RM2.4 juta untuk membeli peralatan dan kelengkapan pertahanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) (Dollah & Suharani, 2015). Dalam bajet 2020 pula, sejumlah RM 1001 juta diperuntukkan untuk ESSCOM, merangkumi dua pecahan iaitu RM74.5 juta diperuntukkan untuk pembangunan di mana jumlah ini mencatatkan peningkatan mendadak berbanding jumlah peruntukan tahun 2018 sebanyak RM36.7 juta dan tahun 2017 sebanyak RM1 juta. Bagi emolumen dan servis pula, kerajaan telah memperuntukkan RM25.6 juta berbanding RM19.1 juta pada tahun 2018 (*Daily Express*, 25 November 2018). Peruntukan ini dilihat wajar sebagai satu langkah memperkasakan lagi tahap keselamatan zon maritim Sabah khususnya mengambil kira jarak sempadan yang dekat di antara ketiga-tiga negara pantai iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia di Laut Sulu. Perkongsian adat dan budaya, serta juga keadaan politik yang tidak stabil di negara jiran sebenarnya membuka persoalan besar tentang bagaimana perkembangan ini memberi impak kepada tahap keselamatan maritim Sabah dari semasa ke semasa. Hal ini tidak menghairankan memandangkan sifat persempadanan Sabah sendiri yang merangkumi 2/3 batas persempadanan maritim membuatkan pihak kerajaan perlu mengambil pendekatan berhati-hati dan bersiap siaga pada setiap masa. Hal ini disokong oleh satu laporan yang dikeluarkan oleh US National Defense yang menggambarkan perairan Laut Sulu-Sulawesi ini sebagai “*ungoverned maritime space containing vast tracts of inhospitable terrain and areas that lie effectively outside the administration purview and central control and most often, pose a challenge for surveillance*” (Peters *et al.*, 2019; Chalk *et al.*, 2009; Rabasa & Chalk, 2012). Hal yang sama turut dapat dilihat semasa persidangan dialog Shangri-la di Singapura, apabila isu Laut Sulu-Sulawesi sering dibangkitkan sepanjang dialog berlangsung. Malah, salah seorang pegawai Indonesia sendiri menggelar Laut Sulu-Sulawesi sebagai “*the new Somalia*” (Peters *et al.*, 2019).

Dalam masa yang sama, tindakan pihak kerajaan dalam membangunkan struktur organisasi dan gerak kerja ESSCOM dengan merujuk kepada model struktur *Rajang Security Command* (RASCOM) juga adalah satu langkah yang bijak di mana aplikasi amalan terbaik “*best practice*” dalam perancangan strategik kerajaan ini penting untuk mendapatkan satu

penyelesaian yang terbaik. Hal ini bermaksud kerajaan mengambil kira pengalaman lepas dalam menghadapi situasi yang hampir serupa dan menerapkan kaedah yang sudah terbukti keberkesanan dan diaplikasikan mengikut kesesuaian konteks semasa. Seperti juga situasi ESSCOM, RASCOM juga adalah satu model yang dibangunkan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu iaitu Tun Abdul Razak secara segera bagi mengatasi masalah keselamatan negara berhadapan dengan serangan komunis ke atas salah satu rumah panjang di Sarawak yang berakhir dengan kematian tuai rumah pada tahun 1972 (Saat & Md Shah, 2019). Hal ini penting terutama dalam memberi keyakinan kepada masyarakat tempatan bahawa model yang dibangunkan oleh kerajaan bukan merupakan model baharu tetapi adalah model yang telah terbukti berjaya. Malah, amalan *best practice* ini diteruskan apabila terdapat usaha kerjasama daripada Majlis keselamatan Negara (MKN), Institut Maritim Malaysia (MIMA), serta Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam cuba membangunkan idea baharu dengan mengangkat konsep “KESBAN” yang sebelum ini dilaksanakan dalam mendepani ancaman yang datang daripada darat semasa era RASCOM dan disesuaikan dengan konteks keselamatan Sabah melalui idea “KESBAN at Sea” dan disediakan dalam bentuk kertas putih (*white paper*) sebelum diserahkan kepada kerajaan negeri.

ESCOMM DAN PERANAN DALAM MENGHAPUSKAN KFR

Isu KFR bukanlah satu perkara yang asing kepada Sabah dengan beberapa siri jenayah telah berlaku sejak Sabah merdeka. Namun, tumpuan ke atas jenayah KFR ini mula mendapat perhatian lebih serius pasca peristiwa KFR yang berlaku pada tahun 2000 apabila dua siri insiden KFR telah berlaku di Sabah membabitkan sekumpulan warga Filipina menggelar diri mereka sebagai Abu Sayyaf Group (ASG) telah bertindak menculik pelancong asing di Pulau Sipadan dan Pandanan (Liss, 2010; Ming, 2018; Wan Hassan & Dollah, 2008; Dollah, *et al.*, 2016; Febrica, 2014). Insiden pertama berlaku pada 23 April apabila ASG menggunakan boat kecil yang dipanggil “tempel” dalam kalangan orang Filipina dan lengkap bersenjata bazooka serta M16 menculik sepuluh pekerja Malaysia dan 11 penumpang warga asing. Penculikan kedua pula berlaku pada 11 September 2011 apabila kumpulan ASG lengkap bersenjata M16 dan dua bot laju menculik tiga rakyat Malaysia di sebuah pusat peranginan, hanya beberapa kilometer daripada Pulau Sipadan (Dollah *et al.*, 2016: 180). Tugas mengendali dan mengekalkan tahap

keselamatan di kawasan ESSZone bukanlah mudah memandangkan wilayah ini sendiri meliputi kawasan sepanjang 1,727 km dan keluasannya sekitar 100,000 km persegi dalam bentuk sempadan darat dan laut, termasuk lebih 486 buah pulau (Saat & Md. Shah, 2019).

Jadual 1 Bilangan insiden penculikan mengikut daerah, 2000-2020

Bil	Daerah	Bilangan Kes KFR
1	Semporna	13
2	Lahad Datu	9
3	Sandakan	4
4	Kunak	1
5	Kinabatangan	1
Jumlah		28

Sumber: Peters *et al.*, 2019; Nor Ahmad, *et al.*, 2021; Abdul Hamid, 2021; Abdul Hamid & Dollah, 2020, 2021

Dalam mendepani masalah *mundu* dan aktiviti KFR di Sabah ini, dua perkara yang perlu diteliti dan seharusnya menjadi asas kepada gerak kerja yang dilakukan adalah dengan melihat kepada elemen modus operandi serta menganalisis faktor penolak dan faktor penarik (*push and pull factor*) kepada aktiviti KFR ini (Abdul Hamid, 2021; Abdul Hamid & Dollah, 2020, 2021; Nor Ahmad *et al.*, 2021). Melihat kepada trend modus operandi yang sering digunakan oleh kumpulan-kumpulan KFR daripada pengalaman insiden lepas mendapati bahawa terdapat beberapa kecenderungan dalam tindak tanduk oleh kumpulan KFR. Salah satu perkembangan dalam modus operandi kumpulan KFR adalah mereka telah membangunkan kemahiran untuk menggunakan strategi psikologi dalam memanipulasi tahanan, keluarga tahanan, dan media untuk memastikan wang tebusan dibayar (Schoeman & Haeefe, 2013). Hal ini tidak menghairankan kerana matlamat utama kumpulan KFR adalah untuk memaksimumkan keuntungan kewangan dan perkara ini dilihat ada dalam modus operandi mereka di mana tahanan dilihat sebagai komoditi yang boleh ditukar kepada wang. Misalnya satu entri di laman sosial Facebook pada 8 April 2016 menunjukkan imej memaparkan sekumpulan empat orang lelaki sedang berada dalam keadaan bercangkung sambil memegang sekeping kertas bertulis “*victor troy*”. Keempat-empat lelaki ini kemudiannya telah disahkan sebagai rakyat Malaysia yang diculik lelaki bersenjata berhampiran Pulau Ligitan, Semporna pada 1 April 2016 (*Mstar*, 30 Mac 2016). Dalam satu video berasingan yang berdurasi 10 saat pula menunjukkan mangsa culik dipercayai daripada insiden penculikan di Pegasus Reef Kinabatangan pada 11 September

2018 yang lalu sedang merayu dalam keadaan bercangkung tanpa memakai baju dan hanya berseluar sambil dikelilingi individu berpakaian celoreng lengkap bersenjata (Abdul Hamid, 2021).

Dalam beberapa kes tertentu, pihak keluarga mangsa juga diberikan peluang untuk berkomunikasi melalui telefon bersama tahanan. Namun begitu, aturan bagi komunikasi ini sepenuhnya berada dalam kawalan kumpulan KFR dengan masa dan hari spesifik diberikan untuk melakukan panggilan telefon (Schoeman & Haefele, 2013). Sebagai contoh, mangsa insiden penculikan di perairan Dent Heaven, Tambisan, Lahad Datu pada 17 Julai 2016 semasa mengendalikan kapal tunda Serudong 3 dan tongkang Serudong 4 menghubungi pihak keluarga mereka dan dalam komunikasi itu sempat menggambarkan keadaan mereka dalam tahanan di mana mereka memberitahu mereka diseksa dan dipukul, malah terpaksa minum air parit dan hanya sesekali menjamah makanan dalam satu perbualan berdurasi 10 sehingga 20 minit. Tahanan turut memaklumkan bahawa jumlah tuntutan diminta adalah sebanyak 100 juta peso (RM 8.5 juta) (*Utusan Borneo*, 30 September 2016). Tujuan utama panggilan ini dibenarkan oleh kumpulan KFR adalah untuk meyakinkan pihak keluarga tahanan bahawa tahanan masih hidup, seterusnya meletakkan tekanan kepada pihak keluarga untuk membayar wang tuntutan yang diminta (Schoeman & Haefele, 2013). Tempoh tahanan biasanya adalah sekitar sehari hingga satu minggu di mana tempoh ini layanan yang diberikan masih pada kadar yang baik, tetapi tahap keganasan meningkat seiring dengan tempoh tahanan dan jumlah tuntutan dengan tahanan berdepan risiko dibunuh sekiranya tuntutan tidak dipenuhi (Ali & Apandi, 2016).

Di lapangan pula, pihak ESSCOM telah merangka beberapa jenis strategi bagi menafikan cubaan-cubaan jenayah KFR daripada berlaku. Hal ini berjaya dilaksanakan menerusi beberapa strategi misalnya dengan melaksanakan perintah berkurung (*curfew*) yang menghendaki masyarakat di kawasan ESSZone untuk tidak keluar rumah dan tidak dibenarkan memasuki kawasan perairan daripada pukul 6.00 petang sehingga 6.00 pagi. Beberapa kawasan *hotspot* yang menjadi laluan jenayah rentas sempadan turut dikenal pasti untuk diberi penekanan semasa perintah berkurung iaitu perairan Pulau Sipadan dan Pulau Mabul di Semporna, Pulau Ligitan di Semporna, serta perairan Gemm Reef (Tambisan, Lahad Datu) (*Berita Harian*, 26 Januari 2020). Pelaksanaan dasar ini juga disokong oleh peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 31 (2) Akta Polis 1967 yang memperuntukkan mana-mana individu yang melanggar syarat-syarat

perintah berkurung boleh berhadapan dengan hukuman tidak lebih daripada RM 500 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali (*Utusan Borneo*, 12 Ogos 2014). Tindakan ini bertujuan bagi memutuskan interaksi ataupun pertembungan di antara pihak masyarakat tempatan dengan kumpulan-kumpulan KFR. Hal ini adalah berdasarkan kecenderungan modus operandi KFR yang biasanya dilakukan pada sebelah malam dan awal pagi.

Selain itu, penggunaan aset dan teknologi juga dimaksimumkan dalam gerak kerja ESSCOM. Peningkatan kadar rondaan ditingkatkan daripada purata 39 kapal sehari kepada 85 kapal sehari, sambil dibantu dengan penggunaan teknologi seperti *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), pesawat dan radar yang digunakan untuk memperkasa sistem rondaan yang lebih efektif (*Mstar*, 2016). Dalam masa yang sama juga, pihak ESSCOM turut menyarankan pemasangan Sistem Pengesanan Automatik (AIS) diselaraskan untuk kegunaan bot-bot nelayan kerana sistem ini akan merekodkan kedudukan koordinat para nelayan dengan tepat semasa berada di lautan dan seterusnya memudahkan pihak ESSCOM untuk menggerakkan aset dalam operasi menyelamatkan sekiranya terdapat insiden tidak diingini berlaku ke atas para nelayan. Malah, terdapat juga beberapa siri bantuan pemberian AIS secara percuma misalnya pada tahun 2016 apabila sejumlah 2,630 unit AIS diberikan kepada para nelayan (*Berita Harian*, 7 Oktober 2016). Hal ini sejajar dengan perubahan modus operandi dalam kalangan kumpulan KFR yang mula beralih lebih jauh daripada darat dan menumpukan cubaan-cubaan penculikan di laut ke atas kelompok sasaran melibatkan kapal-kapal kecil nelayan berbanding sebelum ini yang banyak menyasarkan pengusaha-pengusaha *resort* di pelabuhan. Kesemua langkah ini bakal membantu pihak ESSCOM untuk mengenal pasti sebarang pergerakan mencurigakan kapal-kapal atau bot di sepanjang perairan Sabah. 58 buah “*repeater station*” bagi ‘*channel 16*’ juga telah dipasang di balai-balai polis, markas taktikal dan pos-pos kawalan sebagai satu saluran komunikasi sekiranya berlaku apa-apa kecemasan yang dihadapi oleh para nelayan (Dewan Rakyat, 3 April 2017). Keberkesanan gerak kerja ESSCOM ini dapat dilihat apabila sepanjang tahun 2018 sehingga tahun 2020, sejumlah 40 cubaan KFR telah berjaya dipatahkan (*Berita Harian*, 26 Januari 2020).

Bukan itu sahaja, pihak ESSCOM juga telah mencatatkan sifar kes bagi KFR bagi tahun 2020 sehingga 2023 (Aslam & Pillai, 2022; Astro Awani, 2024). Kejayaan ini sedikit sebanyak disumbangkan oleh dasar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh negara pada 18 Mac 2020. Keadaan ini membolehkan kawalan sempadan negara yang lebih

efektif, serta dibantu oleh dasar yang dilaksanakan oleh negara jiran yang turut mengambil pendekatan untuk menutup sempadan masing-masing, Kes terakhir KFR yang direkodkan adalah pada 15 Januari 2020 yang mana berjaya diselesaikan oleh pihak ESSCOM hasil kerjasama bersama pihak Kerajaan Filipina melalui Western Mindanao Command (WESTMINCOM). Hal ini disusuli dengan kejayaan pihak ESSCOM menubuhkan gerakan puak yang menyokong ASG seperti Hatib Munap Binda di Pulau Timbang, dan Ustaz Mamy Aburi (*New Straits Times*, 2021). Malah, pihak ESSCOM juga menggerakkan Op Cegah Pati (OCP) yang memberi penumpuan kepada aktiviti jenayah laut dan darat di kawasan ESSZone. Hasil daripada koordinasi dan kerjasama erat ESSCOM bersama agensi penguatkuasaan di Filipina juga membantu Kerajaan Filipina menembak mati 4 orang daripada 21 militan dalam senarai dikehendaki ESSCOM (Bernama, 2021).

Bukan itu sahaja, usaha menyelesaikan jenayah rentas sempadan seperti KFR secara tuntas juga menuntut ESSCOM untuk meneliti permasalahan akar yang membawa kepada jenayah KFR ini dengan memahami faktor penolak dan faktor penarik (*push and pull factor*) yang terlibat. Dalam konteks sempadan Sabah, rata-rata kumpulan KFR yang aktif adalah daripada wilayah bermasalah Filipina (Liss, 2010). Antara kumpulan yang masih aktif adalah seperti Kumpulan Pipi Uwah, Kumpulan Sarikal, Kumpulan Akil Jani, Kumpulan Tandanan, Kumpulan Madjuran dan Kumpulan Akil Dewan (Wan Hassan & Dollah, 2008; Nor Ahmad *et al.*, 2021). Perlu difahami bahawa faktor penolak ini pada dasarnya adalah di luar bidang kuasa dan kawalan Malaysia memandangkan sifat KFR itu sendiri yang berbentuk jenayah rentas sempadan bermaksud faktor penolak perlu melihat kepada situasi di negara asal pelaku. Dalam konteks ini, faktor penolak yang terlibat biasanya adalah melibatkan ketidakstabilan politik, dan keadaan ekonomi yang tidak kondusif (Harun & Ja'afar, 2021). Walaupun begitu, disebabkan jarak sempadan yang dekat di antara Malaysia dan Filipina membuatkan apa sahaja perkembangan yang berlaku di negara jiran, pasti akan memberi impak ke negara Malaysia.

Lantaran dari itu, ESSCOM dilihat sentiasa komited menjalankan koordinasi dan mengekalkan talian komunikasi yang kukuh di antara penguatkuasaan keselamatan kedua-dua buah negara. Sebagai contoh, ESSCOM telah menjalin hubungan kerjasama rapat bersama Western Mindanao Command (WESTMINCOM) serta *Presidential Anti-Organized Crime*

Commission khususnya daripada aspek perkongsian maklumat dan perisikan (Dewan Rakyat, 2014). Pada 14 Julai 2016 pula, ketiga-tiga negara pantai di lautan Sulu-Sulawesi iaitu Malaysia-Filipina-Indonesia telah menandatangani perjanjian *Trilateral Cooperative Agreement* (TCA) yang mana menerusi kerjasama ini telah membawa kepada penubuhan *Maritime Coordinating Centre* (MCC) yang dilancarkan dan mengambil tempat di Tawau (Malaysia), Bongao (Filipina) dan Tarakan (Indonesia) (Peters *et al.*, 2019). Perjanjian TCA ini telah membuka ruang buat pelbagai bentuk kerjasama misalnya sistem penggiliran rondaan kawalan udara (Peters *et al.*, 2019), program pertukaran dua anggota daripada Tentera Laut Diraja Malaysia dengan pihak Tentera Laut Filipina untuk tujuan memberikan pengalaman berada di kapal masing-masing, latihan Manuvera Taktis (MANTAK), serta *Replenishment at Sea Approach* (RASAP) bagi meningkatkan kerjasama dan kesiapsiagaan anggota (Abdul Hamid, 2022). Perjanjian dan kerjasama antara kedua belah pihak ini perlu terutama mengambil kira aspek yurisdiksi perundangan khususnya apabila kumpulan KFR melarikan diri melepasi sempadan selepas selesai melakukan jenayah. Malah, perkongsian kepakaran, maklumat dan risikan yang tepat juga mampu menyumbang kepada jenayah ini dikekang sejak daripada negara sumber lagi dan mengurangkan beban kepada negara destinasi.

Dalam masa yang sama, faktor penarik kepada kumpulan KFR untuk datang ke Malaysia pula adalah disebabkan oleh peluang ekonomi, struktur demografi serta kedudukan geografi. Hal ini merujuk kepada aktiviti KFR itu sendiri yang dilihat sebagai suatu industri yang melibatkan risiko rendah dan pulangan tinggi (FATP, 2011), dwikewarganegaraan oleh sebilangan komuniti sempadan, perkongsian adat dalam kalangan orang tempatan dengan negara jiran kesan daripada kolonisasi dan migrasi di masa lepas, serta jarak persempadanan yang dekat misalnya daripada Semporna ke Filipina yang hanya mengambil masa beberapa minit. Sekiranya diteliti, faktor-faktor ini banyak merujuk kepada keadaan masyarakat tempatan sebagai subjek utama yang membentuk persekitaran jenayah untuk kumpulan KFR. Seperti mana peralihan pendefinisian konsep keselamatan yang mana mula mengintegrasikan ancaman tradisional dan bukan tradisional, begitu juga ESSCOM yang cuba mengintegrasikan sudut pandang dan mula melihat ancaman daripada luar serta dalam negara. Hal ini demikian kerana sistem jenayah KFR masa kini perlu difahami telah menjadi lebih kompleks dan sistematik di mana wujud beberapa lapisan hierarki dalam jaringan jenayah tersebut dengan aktor di peringkat paling bawah adalah masyarakat tempatan ESS Zone sendiri (Saat & Md Shah, 2019).

Menyedari hakikat ini, ESSCOM mula cuba “merakyatkan” dasar-dasar yang dilakukan agar sokongan daripada masyarakat tempatan boleh diberikan kepada ESSCOM. Hal ini juga menjelaskan beberapa dasar ESSCOM misalnya perubahan di peringkat struktural dengan pewujudan dua komponen utama iaitu Komander ESSCOM yang akan menumpukan kepada pendekatan berbentuk *hard approach* seperti pengurusan keselamatan dan pertahanan, serta CEO ESSCOM yang akan bertanggungjawab kepada mekanisme *soft approach* seperti menjaga kesejahteraan rakyat (Mstar, 2014). Antara strategi lain di bawah mekanisme *soft approach* oleh ESSCOM juga adalah seperti strategi Gerak Saraf Perang Saraf (GSPS) yang biasanya diterajui oleh Bahagian Awam ESSCOM melalui Seksyen Komunikasi Strategik dan dilaksanakan ke daerah-daerah di ESSZone bagi memberi peluang kepada rakyat di peringkat bawah untuk bertemu dengan penguat kuasa dan menyuarakan pendapat di samping dapat membentuk rasa “*sense of belonging*” dan identiti bersama dalam kalangan masyarakat ESSZone (Utusan Borneo, 2021). Hal ini penting terutama bagi menggalakkan keterlibatan masyarakat tempatan sekali gus menafikan KFR daripada memperoleh maklumat melalui sumber dalam. Kejayaan meraih sokongan masyarakat tempatan ini mustahak kerana mereka adalah sebahagian daripada instrumen perancangan strategik ESSCOM untuk bertindak sebagai ‘mata dan telinga’ dalam usaha memperbanyakkan ‘polis komuniti’ di kawasan-kawasan berbahaya terutamanya pusat-pusat peranginan. Hal ini diulas oleh mantan Komander ESSCOM, Datuk Hazani Ghazali bahawa modus operandi kumpulan-kumpulan KFR ini banyak dibantu oleh *spotter* ataupun ‘mata-mata’ yang bertindak menyalurkan maklumat prospek-prospek mangsa mereka serta memaklumkan pergerakan pasukan keselamatan (Berita Harian, 26 Januari 2020). Malah, sebagai langkah berhati-hati juga pihak ESSCOM sentiasa konsisten memantau sekiranya wujud tali barut-tali barut KFR di mana mereka boleh disiasat di bawah Akta Keselamatan Langkah-langkah Khas 2012 (SOSMA) (Berita Harian, 7 Oktober 2016).

PENUTUP

Jenayah KFR adalah satu bentuk jenayah yang kompleks serta memerlukan penguatkuasaan secara profesional dalam pembanterasannya. Sifat jenayah ini yang berbentuk rentas sempadan juga bermakna pelbagai perkara menjadi pertimbangan, terutama mengambil kira kerenah

birokrasi dan diplomasi di antara negara berdaulat yang terlibat. ESSCOM menggalas tanggungjawab yang besar dalam memastikan zon maritim pantai timur Sabah sentiasa berada dalam keadaan terkawal dan usaha ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak khususnya daripada masyarakat ESSZone sendiri. Setakat ini, mekanisme-mekanisme yang dilaksanakan oleh ESSCOM lebih banyak berbentuk *top-down* di samping peningkatan jumlah aset dan kadar rondaan, penggunaan mekanisme undang-undang, serta kerjasama antarabangsa. Beberapa penambahbaikan dirasakan masih boleh dilakukan misalnya penumpuan ke atas aspek keselamatan manusia (*human security*) seperti kemiskinan dan peluang ekonomi yang masih kurang mendapat tumpuan di sebalik impak kepada kadar jenayah rentas sempadan yang berlaku. Oleh yang demikian, sekiranya kedua-dua elemen ini mampu diintegrasikan, maka satu kaedah pengurusan dan pentadbiran keselamatan yang baik dapat diwujudkan dan Sabah akan kekal terhindar daripada ancaman-ancaman yang mampu mengganggu gugat keselamatan negara.

Secara keseluruhan, ESSCOM berjaya mencapai matlamat penubuhannya sebagai suatu badan penguat kuasa yang bertanggungjawab menjaga keselamatan komuniti di wilayah ESS Zone. Jenayah KFR yang berlaku di zon maritim Sabah dilihat dalam situasi terkawal dan pihak ESSCOM dilihat telah bertungkus lumus membangunkan pelbagai strategi dan mekanisme bagi memastikan tindakan proaktif dan sistematik dapat diteruskan daripada semasa ke semasa. Penurunan dalam kadar jenayah yang berlaku pasca penubuhan ESSCOM sewajarnya menolak dakwaan bahawa inisiatif penubuhan ESSCOM adalah sebuah “projek gajah putih” yang hanya merugikan negara kerana jumlah perbelanjaan yang besar terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk membiayai badan ini, terutama dalam menangani isu-isu keselamatan di wilayah ESS Zone. Justeru, dengan sokongan daripada semua pihak ESSCOM dijangka tidak mempunyai masalah untuk terus menjadi teras kepada pengawalan tahap keselamatan di zon maritim pantai timur Sabah. Makalah ini juga melihat wujud keperluan kajian-kajian lanjutan untuk dilakukan dengan penumpuan kepada aspek keterlibatan dan persepsi komuniti sempadan dalam membantu operasi ESSCOM. Langkah ini dianggap wajar setelah mengambil pertimbangan masyarakat sempadan sebagai salah satu pemegang taruh dan agen penting kepada kawalan keselamatan di pantai timur Sabah. Kajian lanjutan ini juga penting bagi menyokong aspirasi ESSCOM untuk mengubah konotasi wilayah pantai timur Sabah daripada sebuah wilayah berisiko tinggi, kepada wilayah selamat dan sejahtera. Antara usaha yang terlibat dalam proses ‘*rebranding*’ ini adalah

dengan meningkatkan keterlibatan penduduk tempatan, pengubahan terma 'ESSZone', serta penukaran warna peta ESSZone daripada warna merah kepada warna putih. Justeru, kajian lanjutan seumpamanya mampu menyediakan input penting kepada pembuat dasar untuk menilai fungsi dan peranan ESSCOM secara holistik dalam konteks keselamatan nasional amnya dan keselamatan negeri Sabah khususnya.

RUJUKAN

- Abdul Hamid, A.R. & Dollah, R. (2020). Dari 'Mundu' ke penculikan untuk tebusan: Evolusi ancaman keselamatan maritim di pantai timur Sabah. *Jurnal Kinabalu* 26(1), 1-22.
- Abdul Hamid, A.R. & Dollah, R. (2021). Ancaman penculikan untuk tebusan di Pantai Timur Sabah, 2000-2018. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*. 9(2), 25 – 36.
- Abdul Rashid Abdul Hamid. (2021) Keselamatan bukan tradisional dan keselamatan nasional: Ancaman KfR di Pantai Timur Sabah. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah.
- Ahmad, A.R. & Rosli, A.Z. (2023). Deterred but not defeated: The case of Abu Sayyaf's resilience. *Malaysian Journal of International Relations*, 23, 145-162.
- Alavi, A.R. & Wan Hussin, W.N. (2023). Realising Neo-Classical Security and Development (KESBAN) concept against criminality in Eastern Sabah. *Journal of Namibian Studies*, 35, 607-632.
- Ali, N.N.S & Apandi, L.S.A. (2016). Securing maritime supply chain: Threats and challenges of piracy and armed robbery in Southeast Asian waters, a paper presented to *The 6th International Conference on International Studies*. 20-22 August. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Anuar, AR. et al. (2018). Effect of ESS Zone establishment on maritime security and economy activity: A case study of Tawau District. *Indian Journal of Public Health Research and Development*, 9(11), 271-280.
- Aslam, M.M. & Pillai, G.K. (2022). Mitigating crimes & securing national security using the national core values. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2), 117-149.
- Aslam, M.M. (2020). Malaysia terrorist organizations and potential involvement in criminal activities. *Journal of Al-Tamaddun*, 15(2), 15-27.
- Astro Awani. (25 Mac 2013). Najib umum ESS Zone berkuat kuasa hari ini.
- Astro Awani. (1 April 2024). Penubuhan ESSCOM keputusan kritikal tapi tepat, beri kesan terbaik.
- Ayoob, M. (1995). *The third world predicament: State making, regional conflict, and the international system*. Lynne Rienner Publisher Inc.
- Berita Harian. (11 Jun 2016). 2630 Bot nelayan diberi unit AIS secara percuma.
- Berita Harian. (26 Januari 2020). 40 cubaan culik digagalkan ESSCOM.
- Berita Harian. (7 Oktober 2016). Pembocor maklumat operasi di Pantai Timur Sabah ditahan.
- Bernamea. (6 November 2021). Challenges double for ESSCOM amid Covid-19 threat.
- Chalk, P. et al. (2009) The evolving terrorist threat to Southeast Asia: A net assessment. Rand.
- Daily Express. (14 April 2013). Najib on 4 aspect ESSCOM cannot compromises on.
- Daily Express. (22 Disember 2019). Rescue Ops for third Indonesian.

- Daily Express. (25 November 2018). Increased allocation for ESSCOM: Chan.
- Dewan Rakyat. (3 April 2017).
- Dollah, R. & Suharani, M.Z. (2015). Fungsi dan peranan ESSCOM dalam menjamin keselamatan Sabah: Satu perbandingan persepsi antara komuniti “luar” dan komuniti ESS Zone. *Journal Komunikasi Borneo*, 2(1), 1-28.
- Dollah, R. (2004). Lanun atau ‘Mundu’ di Sabah? *JATI*, 9, 171-188.
- Dollah, R., Wan Hassan, W.S., Peters, D., & Othman, Z. (2016). Old Threats, new approach and national security in Malaysia: Issue and challenges in dealing with cross-border crime in East Coast of Sabah. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 178-186.
- FATP. (2011). *Organized maritime piracy and related Kidnapping for Ransom*. (July 2011). FATP Report.
- Febrica, S. (2014). Securing the Sulu-Sulawesi Seas from maritime terrorism: A troublesome cooperation? *Perspectives on Terrorism*, 8(3), 64-83.
- Free Malaysia Today. (13 September 2016). Philippine Military Shares Info with ESSCOM on Abductions.
- Gutierrez, E. (2013). Bandits, Villain and bosses: Kidnappers of the Southern Philippines. Dlm. Lara Jr, F & Schoofs, S. (Eds.), *Out of the shadow: Violent conflict and the real economy of Mindanao*. International Alert.
- Harun, R. & Ja’afar, S. (2021). *Malaysia a maritime nation*. Institut Maritim Malaysia.
- Idris, A. Kepentingan keselamatan Sempadan Malaysia. Edisi khas setahun Sabah Maju Jaya. 3, 36-40.
- Kanyo, N. I. et al. (2015). Mengurus ruang jenayah: Suatu tinjauan dasar pengurangan jenayah di Malaysia. *Geografia*. 11(2), 107-117.
- Liss, C. (2010). Contemporary maritime piracy waters off Semporna, Sabah. Dlm. J. Kleinen & M. Osseweijer (Eds.), *Pirates, ports, and coasts in Asia: Historical and contemporary perspectives*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Liss, C. (2014). Assessing contemporary maritime piracy in Southeast Asia: Trends, Hotspots, and Responses. (PRIF Reports, 125). Peace Research Institute Frankfurt.
- Ming, Y.L. (2018). Malaysia’s security concerns: A contemporary assessment. Dlm. M.L. Weiss (Eds.), *Routledge Handbook of Contemporary Malaysia*. Routledge.
- Mstar. (15 April 2016). Polis sahkan gambar di FB mangsa culik di Semporna.
- Mstar. (30 Mac 2016). ESS Zone selamat dan terkawal.
- Mstar. (8 Julai 2014). Najib umum dua komponen utama penstrukturan semula ESSCOM.
- Murphy, M.N. (2007). *Contemporary piracy and maritime terrorism: The threat to international security*. Routledge.
- New Strait Times. (8 Disember 2021). Zero kidnapping cases off East Sabah since last year, says ESSCOM.
- Nor Ahmad, H.N.A., et al. (2021). Divergent dimensions of radicalization risk: Migration and violent extremism in Sabah, final report to the United States department of State’s Bureau of Conflict and Stabilization Operations (CSO). College Park, MD: START. <https://www.start.umd.edu/pubs/Divergent%20Dimensions%20of%20Radicalization%20Risk.pdf>.
- Peters, D. et al. (2019). Security-Defense dimension to the security of Eastern Sabah. Dlm. D. Peters et al. (Eds.), *Holistic development and security for ESS Zone*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

- Rabasa, A. & Chalk, P. (2012). Non-traditional threats and maritime domain awareness in the Tri-Border Area of Southeast Asia the coast watch system of the Philippines. Rand.
- Saat, G. & Md Shah, J. (2019). *Socio-political dimension to the security of Eastern Sabah. Holistic development and security for ESS Zone*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sabah News Today. (1 September 2016). Polis sahkan video mangsa culik dihantar dari Filipina.
- Schoeman, M & Haefele, B. (eds). The relationship between piracy and kidnapping for ransom. *Insight on Africa*, 5(2), 117-128.
- Sinar Harian. (8 Julai 2014). PM umum penstrukturan semula ESSCOM.
- Takoro, I. (2010). Piracy in contemporary Sulu: An ethnographical case study. Dlm J. Kleinen & M. Osseweijer (eds.). *Pirates, ports, and coasts in Asia: Historical and contemporary perspectives*. Institute of Southeast Asian Studies.
- UNODC (2010). *United Nations Office on Drugs and Crime* <https://www.unodc.org/>.
- Utusan Borneo. (12 Ogos 2014). Langgar Perintah Berkurung.
- Utusan Borneo. (30 September 2016). Ahli keluarga tebusan rayu dibenarkan kutip derma.
- Utusan Borneo. (29 Julai 2021). Bahagian Awam ESSCOM sentiasa sokong, imbangi peranan bahagian keselamatan.
- Wan Hassan, W.S & Dollah, R. (2008). Isu-isu dan keselamatan Sabah dan impak kepada Malaysia. *JATI*, 3 (Disember), 49-67.